



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGUNAAN PREMISESCAN BAGI MENGIMBAS KOD QR PERIBADI
PARA PENGGUNA BRUHEALTH**

Tarikh: 28 Mei 2020

1. Alhamdulillah setakat ini, seramai _____ orang telah mendaftar dengan aplikasi BruHealth dan sebanyak _____ premis perniagaan. Jumlah ini sangat menggalakkan dan menunjukkan sokongan padu serta kerjasama diberikan daripada semua lapisan masyarakat dalam memastikan aplikasi BruHealth ini akan digunakan dengan jayanya dan sepenuhnya.
2. Kearah memastikan penggunaan aplikasi BruHealth dapat digunakan oleh semua penduduk warga Negara Brunei Darussalam, satu '*new feature*' yang dilancarkan adalah Premisescan bagi mengimbas Kod QR peribadi para pengguna aplikasi BruHealth bagi pemilik premis perniagaan untuk mengimbas Kod QR peribadi BruHealth para pelanggan semasa masuk atau keluar dari premis.
3. Premisescan adalah satu penambahbaikan ataupun '*enhancement*' kepada aplikasi BruHealth bagi membolehkan para pengguna yang tidak dapat mengakses aplikasi BruHealth, untuk menggunakan kaedah lain semasa masuk atau keluar dari premis. Para pengguna berkenaan boleh mendapatkan Kod QR peribadi BruHealth terlebih dahulu iaitu dengan



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

melayari laman *web* www.healthinfo.gov.bn. Kod QR berkenaan hendaklah dibawa ke premis yang akan dikunjungi untuk diimbaskan oleh pemilik premis tersebut, sebelum pengguna dibenarkan masuk. Pada hari ini, kita akan menyaksikan *video tutorial*/ringkas *feature* Premisescan bagi mengimbas Kod QR peribadi para pengguna aplikasi BruHealth.

4. Selain daripada premis-premis perniagaan dan juga di masjid-masjid, beberapa premis kerajaan dan premis sektor swasta juga menggunakan aplikasi BruHealth ini untuk para pengguna semasa masuk dan keluar premis. Melalui penggunaan BruHealth ini secara meluas, InshaAllah akan dapat memudahkan lagi usaha *contact tracing*.